

# Serius tangani kemalangan di laut

## Penguatkuasaan undang-undang tingkat kesedaran pengusaha feri, bot

**FARAH SHAZWANI ALI**

**KUALA TERENGGANU** - Penguatkuasaan undang-undang di jeti yang dilaksanakan oleh Jabatan Laut Semenanjung Malaysia adalah bagi meningkatkan kesedaran pengusaha feri dan bot, sekali gus mengurangkan kemalangan membabitkan penumpang.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri berkata, walaupun banyak insiden kemalangan di laut yang berlaku, namun ia tidak begitu serius kerana jumlah kematian yang tidak tinggi, dibandingkan dengan kemalangan di jalan raya.

Bagaimanapun, pihaknya tidak memandang mudah perkara itu dan mengambil beberapa inisiatif untuk memastikan ke-

selamatan di laut, termasuk penggunaan feri dan bot khususnya di kawasan destinasi pelancongan seperti di pulau peranginan popular di seluruh negara.

“Penguatkuasaan undang-undang yang dilakukan adalah di bawah Akta MSO 1952, Peraturan-peraturan Bot 1953 dan Kaedah-Kaedah Keanggotaan Perkapalan Saudagar (KKPS) 1999 dan di bawah kawal selia Jabatan Laut.

“Kita nampak ia telah memberi impak berkesan dalam memastikan sebelum feri dan bot berlepas, ia wajib mempunyai lesen, tiada lebih penumpang serta memastikan tekong mempunyai lesen sah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada lawatan ke jeti penumpang Ja-



■ Abdul Rahim (dua dari kiri) ketika meninjau jeti penumpang Jabatan Laut Kuala Terengganu di sini semalam.

batan Laut Kuala Terengganu di sini, semalam.

Sehingga kini, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia mengawasi sebanyak 40 jeti dan terminal penumpang, meliputi 13 terminal penumpang di Wilayah Utara, lima buah jeti penumpang

di Wilayah Tengah, empat buah jeti penumpang di Wilayah Selatan, 11 buah jeti di Wilayah Timur, tiga dermaga atau jeti di Wilayah Labuan dan empat buah jeti di Wilayah Sarawak.

“Kita mempunyai 14 lokasi perkhidmatan feri di seluruh ne-

gara yang meliputi tiga kawasan di Wilayah Utara, satu di Wilayah Tengah, empat di Wilayah Selatan, dua di Wilayah Timur serta empat lagi di Wilayah Labuan.

“Setakat ini, sebanyak 166 kompaun telah dikeluarkan sepanjang 2010, berbanding 244 kompaun pada 2009 dan 211 kompaun pada 2008. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 31.98 peratus pada tahun ini, berbanding 2009,” katanya.

Abdul Rahim berkata, bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan undang-undang di jeti dan dermaga, pihaknya juga telah mengambil inisiatif dengan menambah bilangan anggota di semua jeti seluruh negara terutama pada musim cuti sekolah dan cuti umum bagi tujuan penguatkuasaan.